

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**

**SOALAN : NO. 517**

**YB Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-**

- (a) jumlah peminjam PTPTN yang dikenakan bayaran melalui sistem mandatori dari tahun 2010 hingga 2015; dan
- (b) kajian keberkesanan pihak PTPTN dalam memastikan hutang peminjam yang mencecah RM15.1 bilion pada tahun 2015.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat daripada Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), seramai 277,606 orang penjawat awam adalah peminjam PTPTN. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,193 orang atau 1.2% penjawat awam telah dikenakan potongan gaji mandatori pada bulan Disember 2015. Tindakan ini diambil selepas beberapa peringatan diberikan dan setelah pihak PTPTN hadir berunding ke jabatan masing-masing dengan membuka kaunter khas perundingan. Malah, JPA juga telah mengeluarkan arahan kepada penjawat awam agar membuat bayaran balik melalui potongan gaji mulai 1 September 2015.

(b) Kementerian Pendidikan Tinggi melalui PTPTN sedang mengambil tindakan bagi melaksanakan bayaran balik melalui potongan gaji secara automatik atau *Income Contingent Loans Repayment (ICLR)* yang mesra pelanggan. Melalui kaedah ini, peminjam hanya perlu membuat ansuran bulanan mengikut peratusan tertentu daripada pendapatannya. Model baharu bayaran balik yang akan diperkenalkan ini masih dalam perbincangan bersama-sama pihak berkepentingan agar apabila dilaksanakan kelak ianya tidak membebankan mana-mana pihak.